

# UPM juara Ragbi Super 8 IPT

**Serdang:** Pasukan ragbi Universiti Putra Malaysia (UPM), Serdang Angels, menepati ramalan apabila muncul juara edisi pertama Kejohanan Ragbi Super 8 Institusi Pengajian Tinggi (IPT) 2014.

UPM Serdang Angel membenam cabaran Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) Mustang dengan jarigan 35-11 pada perlawanan akhir di Stadium UPM di sini.

Kejayaan itu membolehkan UPM Serdang Angels membawa pulang RM5,000, piala pusingan dan iringan

manakala UIAM menerima RM3,000 serta piala iringan.

Ketua pasukan UPM Serdang Angels, Nazmi Hussin, turut dinobatkan sebagai Pemain Terbaik kejohanan.

## UPNM tempat ketiga

Dalam aksi merebut tempat ketiga pula menyaksikan pasukan Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) Smookies menewaskan pasukan Majlis Sukan Politeknik Malaysia (MSP) dengan jarigan 40-30 untuk menggondol hadiah RM1,500.

Upacara penyampaian ha-

diah disempurnakan oleh Timbalan Menteri Pendidikan II, P Kamalanathan. Yang turut hadir ialah Pengurus Jemaah Pengetua Kolej UPM, Prof Dr Roselan Sulaiman dan Timbalan Pengurus Jawatankuasa Induk Kejohanan Ragbi Super 8 IPT 2014, Tony Azman Hasan.

Kejohanan Ragbi Super 8 IPT yang julung kali dianjurkan itu adalah inisiatif untuk membangunkan sukan ragbi peringkat IPT sekali gus melahirkan pemain pelapis untuk mewakili negara pada masa depan.



Aksi lasak pasukan Serdang Angels ketika bersaing dalam Kejohanan Ragbi Super 8 IPT.